




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 di Sabah adalah sebanyak 564 kes. Jumlah kumulatif ialah sebanyak 18,083 kes. Kes kematian hari ini mencatatkan sebanyak 5 kes iaitu tiga (3) di Sandakan dan masing-masing satu (1) di Kota Kinabalu dan Tawau. Takziah kepada semua keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 473 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital. Manakala seramai 3,257 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 734 orang di hospital dan 2,523 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 69 orang dan 17 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kinabatangan dan Ranau telah bertukar ke warna jingga pada hari ini. (Warna jingga merujuk kepada bilangan kes mencecah angka 21 hingga 40).

- 4 Pada hari ini, terdapat dua (2) kluster baharu iaitu:
  - (i) Kluster Sutera di Daerah Kota Kinabalu sebanyak 15 kes.
  - (ii) Kluster Ria 30 di Daerah Tuaran sebanyak sembilan (9) kes.
- 5 Daerah Sandakan mencatatkan sebanyak 120 kes pada hari ini. Daripada jumlah tersebut, 73 kes adalah daripada Kluster Penjara Sandakan.
- 6 Jumlah katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 939 katil manakala Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah sebanyak 7,994 katil menjadikan jumlah keseluruhan 8,933 katil. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 36.46%.

## **B. MOBILISASI SUMBER MANUSIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa prihatin kepada setiap keperluan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) dalam memastikan perkhidmatan dan rawatan di hospital berada di tahap yang optimum.
- 2 Seramai enam (6) orang Pegawai Perubatan Pakar tambahan masing-masing akan ditempatkan di Hospital Duchess of Kent Sandakan, Hospital Lahad Datu dan Hospital Tawau. Manakala, 16 orang Pegawai Perubatan pula akan ditempatkan di Hospital Duchess of Kent Sandakan dan Hospital Tawau. Seramai 14 orang jururawat akan ditempatkan di Hospital Tawau.
- 3 Sehingga kini, jumlah bantuan sumber manusia yang telah diterima JKNS adalah seramai 58 orang Pegawai Perubatan Pakar, 141 orang Pegawai Perubatan dan 260 orang jururawat.

## **C. PEMBUKAAN PUSAT KUARANTIN DAN RAWATAN COVID BERISIKO RENDAH (PKRC) TAMBAHAN**

- 1 Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid Berisiko Rendah (PKRC) tambahan di Dewan Sukan dan Rekreasi Kinabatangan telah beroperasi pada 4 November 2020.

**D. PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DAERAH SEMPORNA DAN DAERAH KUNAK**

1 Atas nasihat KKM, Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) hari ini bersetuju agar PKPD di enam (6) lokaliti di Semporna dan satu (1) lokaliti di Kunak ditamatkan pada 6 November 2020 seperti yang telah dijadualkan iaitu:

a. Lokaliti Semporna;

(i) Kg. Bangau-Bangau Darat, Kg. Bangau-Bangau Hujung, Kg. Halo dan Kg. Ubian;

(ii) Kg. Panji;

(iii) Kg. Air;

(iv) Kg. Selamat;

(v) Kg. Simunul; dan

(vi) Kg. Pinggir Bakau.

b. Lokaliti Kunak;

(i) Kg. Pengkalan.

2 Walau bagaimanapun, lokaliti-lokaliti ini masih tertakluk kepada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) seluruh Negeri Sabah yang sedang berkuatkuasa.

**E. PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) ANJUNG TEDUH FELDA SAHABAT, LAHAD DATU**

1 Kerajaan sebelum ini telah mengumumkan pelaksanaan PKPD di Anjung Teduh FELDA Sahabat, Lahad Datu bermula 24 Oktober 2020 sehingga 6 November 2020.

2 Atas nasihat dan penilaian risiko yang dilaksanakan oleh KKM, Sidang Khas MKN hari ini bersetuju untuk melanjutkan lagi PKPD di Anjung Teduh FELDA Sahabat, Lahad Datu bermula 7 November 2020 sehingga 20 November 2020.

**F. PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) PUSAT TAHANAN SEMENTARA (PTS) TAWAU, PENJARA SANDAKAN DAN KUARTERS PENJARA TAMAN WIRA SANDAKAN**

1 Atas nasihat dan penilaian risiko yang dijalankan oleh KKM, Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara hari ini bersetuju untuk melaksanakan PKPD di PTS Tawau, Penjara Sandakan dan Kuarters Penjara Taman Wira, Sandakan bermula 6 November 2020 sehingga 19 November 2020.

## **G. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

- 1 Pengagihan bantuan bakul makanan (*food basket*) kepada golongan sasar berjalan lancar. Sehingga hari ini, sebanyak **138,452** bakul makanan telah diagihkan.

## **H. LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sebanyak 64 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 37,912 kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 187 buah kenderaan diarah berpatah balik manakala 36 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 80 hebahan melalui kereta peronda. Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB ialah 96.5%.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 45 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 17 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi di 11 premis di empat (4) daerah iaitu Semporna, Tawau, Kudat dan Kota Kinabalu.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 102 lokasi di 15 buah daerah.

Oleh yang demikian, kerjasama padu daripada semua pihak amat penting dalam usaha untuk memutuskan rantaian COVID-19 dengan mematuhi SOP yang sedang berkuatkuasa dan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian.

Kerajaan Negeri amat komited untuk memberi yang terbaik kepada rakyat dari segi penyampaian perkhidmatan, saluran bantuan kepada yang memerlukan dan sumber informasi yang tepat.

**#kitajagakita #stayhome #staysafe  
#workfromhome  
#normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**

05 November 2020